

**Najib Alu-alukan Keputusan Bersejarah PBB Berkaitan Palestin
Bernama
30 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengalu-alukan keputusan bersejarah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengiktiraf Palestin sebagai negara pemerhati bukan anggota.

Beliau berkata langkah itu memberi rakyat Palestin peluang untuk menyertai triti dan agensi antarabangsa.

"Keputusan bersejarah ini tidak seharusnya menjejaskan matlamat utama untuk memastikan rakyat Palestin memiliki tanah air sendiri.

"Malaysia menggesa semua pihak supaya menggandakan usaha ke arah penyelesaian dua negara, supaya wujud perdamaian yang berkekalan dan adil di wilayah berkenaan," katanya dalam satu kenyataan Jumaat.

Perhimpunan Agung PBB pada Khamis meluluskan pengiktirafan 'de facto' negara berdaulat ke atas Palestin, iaitu satu kemenangan yang telah lama dinanti-nantikan oleh rakyat Palestin.

Resolusi itu yang meningkatkan status Palestin kepada sebuah negara pemerhati bukan anggota di PBB diluluskan dengan 138 undi menyokong, sembilan menentang manakala 41 berkecuali, dalam badan dunia 193 anggota itu.

Najib menyuarakan harapan agar semua negara anggota PBB akan menghormati keputusan undian berkenaan.

Malaysia sejak sekian lama menjadi penyokong kuat terhadap perjuangan rakyat Palestin dan menyuarakan keprihatinan berhubung serangan berdarah tentera Israel ke atas Gaza kepada Presiden Amerika Syarikat Barack Obama, negara sekutu rapat Israel.

Ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno 2012 semalam, Najib menyatakan hasrat Malaysia untuk membuka kedutaan asing pertama di ibu kota Palestin yang merdeka dan berdaulat kelak.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=713050>

